

PAMERAN ALAM SEKITAR DALAM PROGRAM MINGGU KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MARA 2023 ANJURAN MAJLIS AMANAH RAKYAT SEMPENA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA

10 Julai – 12 Julai 2023, Kuala Lumpur - Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JASWPKL) telah dijemput untuk mengadakan pameran kesedaran alam sekitar dalam Program MINGGU KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MARA 2023 sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2023 anjuran MAJLIS AMANAH RAKYAT.

Program Ini bermatlamat untuk menzahirkan pembangunan lestari dan mewujudkan persekitaran yang kondusif dan selamat serta melahirkan sebuah masyarakat yang harmoni serta peduli terhadap isu-isu alam sekitar.

Antara aktiviti yang dijalankan oleh JASWPKL semasa program ini ialah sesi pameran kesedaran sempena Hari Alam Sekitar Sedunia dan pendaftaran ahli baru Rakan Alam Sekitar.

#NRECC

#jabatanalamsekitar

#alamsekitartanggungjawabbersama

#jaswpkl